

Laporan prestasi PIPP diumumkan esok

Hishammuddin akan buat sidang media di Parlimen

Oleh Mohd Roji Abdullah

KLUANG: Kementerian Pelajaran akan mengumumkan kad laporan prestasi Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang dilaksanakan sejak enam bulan lalu, di Parlimen, esok.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata beliau akan mengadakan sidang media khas selepas itu untuk menyatakan kandungan penuh kad laporan yang pertama itu kepada orang ramai.

"Seperti yang dijanjikan, kita menyediakan kad laporan perkembangan PIPP dua kali setahun dan ini kad laporan yang pertama kita umumkan secara telus dan terbuka.

"Kita juga akan umumkan pencapaian Kementerian melaksanakan projek dengan peruntukan yang kini mencecah lebih RM25 bilion, termasuk RM23 bilion yang diperuntukkan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) selain peruntukan tambahan yang diumumkan Perdana Menteri,

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Sembrong oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaacob di Dewan Kejora, di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, Kementerian mengambil sikap telus dan bertanggungjawab membentangkan perbelanjaan besar itu kepada rakyat.

"Saya rasa dua kali setahun kita perlu mengumumkan kad laporan itu kerana rakyat juga patut mengetahui berapa wang yang sudah dibelanjakan dan untuk tujuan apa.

"Saya cukup berpuas hati dengan pencapaian PIPP yang dilancarkan Januari lalu dan dalam masa enam bulan saja, kita berjaya melengkapkan laporan untuk orang ramai mengenai pencapaian perancangan kita dalam PIPP," katanya.

Beliau berkata, selepas dilancarkan Januari lalu, kementeriannya ber-sungguh-sungguh melaksanakan pelan lima tahun itu dan setiap bulan

ditetapkan untuk melaksanakan program yang terkandung dalam PIPP.

Antara fokus yang sudah dilaksanakan ialah program merapatkan jurang antara sekolah bandar dan luar bandar, isu pembastarian sekolah, teknologi maklumat dan komunikasi ICT di sekolah dan memberi tumpuan kepada kokurikulum.

"Bulan ini, fokus kita kepada sukan sebagai salah satu aspek pembangunan modal insan secara menyeluruh dan holistik serta tidak hanya menekankan kepada pencapaian akademik semata-mata," katanya.

Mengulas kenyataan bekas Ketua Pemuda Keadilan Rakyat (PKR), Ezam Mohd Noor yang membayangkan untuk menyertai semula Umno, Hishammuddin yang juga Ketua Pemuda Umno berkata, Ezam perlu membuktikan keikhlasannya terlebih dulu.

Beliau berkata, jika Ezam betul-betul ikhlas, beliau boleh membuktikan kesetiaan dan sokongan terhadap Barisan Nasional (BN), meskipun tidak menjadi ahli Umno.